



KELAB MITI

Kelab Sukan dan Kebajikan

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Aras 6, Menara MITI, No 7 Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 03-6200 0194 / 03-6208 4717

No. Rujukan: (22) KM/SU/JLD 1

Tarikh: Disember 2021

PROGRAM KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI) PRIHATIN BERSAMA YB MENTERI KANAN & MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (YBMK MITI)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana tuan/puan sedia maklum, negara telah dilanda musibah banjir yang menejejaskan beberapa negeri di Semenanjung Malaysia antaranya Kedah, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Ramai mangsa banjir yang terkesan dari musibah ini dan memerlukan bantuan dari segi barangan keperluan mahupun tenaga kerja sukarelawan yang sewajarnya untuk membersihkan kesan pasca banjir.

3. Justeru, mengambikira bantuan yang diperlukan ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan melaksanakan program penghantaran bantuan pasca banjir ke negeri-negeri yang terkesan teruk akibat musibah banjir tersebut. Bagi tujuan tersebut, MITI bercadang untuk menghulurkan bantuan melalui Program MITI Prihatin bersama YBMK MITI yang akan diadakan bagi tempoh 28 Disember 2021 hingga 31 Januari 2022.

4. Program ini bertujuan untuk menghulurkan bantuan pasca banjir kepada rakyat Malaysia oleh MITI dan agensi dengan sokongan pihak industri. Sehubungan itu, MITI memohon jasa baik pihak tuan/puan untuk menyumbang barang keperluan yang bersesuaian bagi tujuan ini. Bagi sumbangan berbentuk wang tunai boleh disalurkan melalui Akaun Kelab MITI seperti maklumat berikut:

Nama akaun : KELAB MITI

Bank : Cimb Bank

No Akaun : 8000761390

ROS no: 0001209

5. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Puan Mazmen Abdul Hamid (mazmen@miti.gov.my /0102205908) atau Cik Nur Liyana Alwi ([liyana.alwi@miti.gov.my/0167272684](mailto:liyana.alwi@miti.gov.my)). Segala bantuan yang dihulurkan diiringi dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih. Semoga bantuan ikhlas dan kerjasama yang diberikan oleh tuan/puan dibalas dengan limpahan rezeki yang diberkati.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AZMIR MUSYABRI ABDUL MUTALLIB)
Pemangku Presiden
Kelab MITI

s.k.:

1. YB. Dato' Seri Mohamed Azmin Ali
Menteri Kanan & Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
2. YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali
KSU MITI